

Headline	SL1M Kedah 2018: Lebih 6,000 jawatan kosong ditawarkan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Mar 2018	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	9
ArticleSize	871 cm ²	Journalist	NUR FATIEHAH
PR Value	RM 51,644		



SL1M Kedah 2018: Lebih 6,000 jawatan kosong ditawarkan

Oleh NUR FATIEHAH
ABDUL RASHID
perangan@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 26 Mac - Program Temu Duga Terbuka Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) di Zon Utara yang menjadi lokasi ketiga bakal diadakan selama dua hari berturut-turut pada 14 dan 15 April ini di Stadium Sultan Abdul Halim, Alor Setar, Kedah.

Program yang menjanjikan lebih 6,000 peluang pekerjaan dan latihan itu dibuka kepada semua graduan dan pencari kerja tanpa mengira latar belakang serta peringkat kelulusan dari seluruh negara.

Ketua Sekretariat SL1M, Norashikin Ismail berkata, program kolaborasi antara Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama-sama pelbagai agensi kerajaan dan swasta itu dijangkakan dibanjiri lebih 10,000 pengunjung yang hadir untuk merebut peluang pekerjaan dan latihan yang disediakan.

Jelasnya, terdapat lebih 60 syarikat yang akan menyertai program ini.

"Sepanjang dua hari program itu berlangsung, sesi temu duga bersama syarikat yang mengambilibahagian akan dijalankan secara on the spot dan ini akan menjadi peluang kepada graduan serta pencari kerja untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran diri dengan mendapatkan peluang pekerjaan yang sesuai.

"Sejak diperkenalkan pada tahun 2011, program ini telah berjaya membantu lebih 144,000 graduan dalam meningkatkan kebolehpasaran mereka sekali gus mendapat pekerjaan mengikut kelayakan masing-masing," katanya kepada pemberita dalam sidang akhbar di Philea Mines Beach Resort City, Sri Kembangan dekat sini, hari ini.

Menurutnya lagi, Majlis Perasmian Program Temu Duga Terbuka SL1M Peringkat Zon Utara itu akan dilakukan oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah dan sesi pendaftaran bermula seawal pukul 7.30 pagi hingga 6 petang.

Lebih menarik, program itu juga bakal menampilkan selebriti-selebriti tempatan untuk memberi motivasi serta inspirasi kepada semua graduan dan



NORASHIKIN ISMAIL (duduk tengah) bersama sebahagian artis yang terlibat dalam Program Temu Duga Terbuka SL1M yang bakal berlangsung di Kedah dalam sidang akhbar di Philea Mines Resort City, Seri Kembangan, semalam. - UTUSAN/AMIN FARU HASAN

Sejak diperkenalkan pada tahun 2011, program ini telah berjaya membantu lebih 144,000 graduan dalam meningkatkan kebolehpasaran mereka sekali gus mendapat pekerjaan mengikut kelayakan masing-masing."

NORASHIKIN ISMAIL
Ketua Sekretariat SL1M

pencari kerja yang hadir bagi menaikkan lagi semangat mereka untuk terus berusaha dalam mencari peluang pekerjaan dan memperkasakan diri agar berjaya dalam bidang yang diceburi.

"Antara selebriti yang akan hadir adalah Faizal Tahir, Kumpulan Zero, Wings, Pesawat, Kugiran Masido, Monologue, Floor 88, Drama Band, Payscale dan Khalifah Band.

"Selain itu, pelbagai aktiviti menarik juga akan diadakan seperti Resume Clinic, Career Talk, Stunt Show dan FIM Asia Supermoto Champion serta gerai jualan

dan asas tani; usahawan terdiri daripada ibu tunggal dan belia.

"Pengunjung juga berpeluang memenangi pelbagai hadiah menarik seperti, motosikal, telefon pintar, komputer riba dan perkas elektrik.

"Bukan itu sahaja, pihak SL1M turut bekerjasama dengan syarikat perkhidmatan pengangkutan GrabCar untuk memberi diskaun pengangkutan sebanyak RM6 menggunakan kod SL1MKEDAH2018 kepada pengunjung yang hendak menghadiri program ini," katanya.

Dalam pada itu, Norashikin berkata, pengumuman kenaikan

Antara syarikat yang menyertai Program Temu Duga Terbuka SL1M Peringkat Zon Utara 2018

- Maybank
- CIMB
- Celcom Axiata Berhad
- Telekom Malaysia Berhad
- Boustead Holdings Berhad
- Lembaga Tabung Angkatan Tentera
- TH Plantations Berhad
- UMW Holdings Berhad
- Lembaga Tabung Haji
- Permodalan Nasional Berhad
- UEM Group Berhad
- Malaysia Airlines Berhad
- Tenaga Nasional Berhad
- Shin Etsu Polymer (M) Sdn. Bhd.
- Grab
- Coway (M) Sdn. Bhd.
- Media Prima Berhad
- Berjaya Roasters (M) Sdn. Bhd.
- Felda Global Ventures Holding Berhad
- Inokom Corporation Sdn. Bhd.
- KCJ Engineering Sdn. Bhd.
- Orins Group International
- Segi Seri Group
- Step Innovation Resources



kadar elaun bulanan SL1M daripada RM1,500 kepada RM2,000 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang berkuat kuasa pada 1 Mac lalu adalah faedah yang tidak seharusnya dilepaskan oleh para graduan.

itu, diharapkan para graduan dapat memberikan yang terbaik dalam mencari dan menimba pengalaman kerja di syarikat-syarikat dalam pelbagai sektor di seluruh negara.

"Justeru, SL1M ingin menjemput semua graduan dan

pencari kerja khususnya di zon utara untuk tidak melepaskan peluang ini. Kami turut menyeru syarikat-syarikat swasta untuk sama-sama membantu graduan tempatan meningkatkan kebolehpasaran dan memperbaiki taraf ekonomi mereka," katanya.